

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1989/90

Mac/April 1990

STW212 - Intervensi Sosial dengan Individu
Keluarga dan Kumpulan

Masa: [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **BAHAGIAN A** dan **DUA** (2) soalan yang lain.

Bahagian A (SOALAN WAJIB)

1. Senaraikan lapan fasa penyelesaian masalah intervensi kerja sosial dan bincangkan kerasionalan bagi tiap-tiap fasa tersebut. (25 markah)
2. Apakah pemahaman anda dengan kerja kumpulan dan bincangkan apakah perkara-perkara yang perlu di ketahui dan diambil kira untuk memulakan kerja kumpulan. (25 markah)

Bahagian B (Pilih **DUA (2) soalan sahaja)**

3. Pilih **satu** daripada teori-teori asas intervensi kerja sosial di bawah ini dan bincangkan bagaimana ia boleh dikaitkan dengan intervensi kerja sosial yang anda jalankan.
 - (a) Teori psiko-analitik
 - (b) Teori pembelajaran sosial
 - (c) Teori sistem-sistem sosial
 - (d) Pendekatan kemanusiaan dan kewujudannya(25 markah)

... 2/-

4. Penggunaan sumber-sumber penting di dalam intervensi kerja sosial. Bincangkan.

(a) Apakah yang dimaksudkan dengan sumber-sumber ini serta kerasionallannya di dalam intervensi kerja sosial

dan

(b) Bagaimana pekerja sosial boleh mempertingkatkan diri dan juga alam sekitarnya di dalam mempertingkatkan sumber-sumber tersebut.

(25 markah)

5. Klinikal kerja sosial boleh dilihat sebagai satu "seni". Bincangkan apakah yang dimaksudkan dengan "seni" di sini.

(25 markah)

6. Sessi pertama di dalam intervensi kerja sosial merupakan satu sessi yang penting. Bincangkan bagaimana sessi ini boleh dilihat sebagai satu sessi yang berkorak penilaian dan rawatan.

(25 markah)